

Press Release

UNTUK SIARAN SEGERA

PANASONIC MELANCARKAN SISTEM FSV EX BEREVOLUSI

Subang Jaya, 16 Januari 2015 – Panasonic Appliances Air-Conditioning System Engineering Malaysia (PAPASEMY), sebuah syarikat yang berdayasasing dalam menyediakan solusi penghawa dingin efektif dan inovatif kepada pemilik bangunan, telah melancarkan sistem FSV-Eco Extreme (EX) – sistem penghawa dingin komersial Variable Refrigerant Flow (VRF) nya yang terbaru.

FSV-EX merupakan perintis dalam sistem VRF yang direkabentuk khas untuk membawa keberkesanan tenaga kepada tahap yang berbeza sekali. Anjakan paradigma dalam prestasi ini berjaya dilaksanakan menerusi:

- Penilaian EER (*Energy Efficiency Ratio*) kapasiti luaran yang paling tinggi
- Operasi muatan separa bercekapan tinggi setaraf persekitaran pengguna yang sebenar
- Daya lasak serta kuasa penyejukan yang tinggi meskipun pada suhu persekitaran yang tinggi dan direkabentuk dengan julat operasi yang lanjut sehingga 52°C

Pelancaran rasmi telah berlangsung di Dewan Besar Hotel Grand Dorsett Subang Jaya dengan penyampaian yang serba canggih menerusi penggunaan teknologi pemetaan 3D untuk mempamerkan ciri-ciri serta manfaat sistem tersebut.

Innovasi utama FSV-EX yang mengurangkan kos tenaga secara dramatik adalah :

· Pemampat *Inverter* serba guna dwikapasiti tinggi baru

Sistem ini direkabentuk dengan pemampat *Inverter* serbaguna terkini dengan kawalan bebas untuk prestasi yang amat fleksible.

· Perluasan permukaan penukar haba dengan permukaan tiga kali ganda

Penukar haba telah direkabentuk semula bagi memaksimumkan kawasan permukaan. Ketiadaan pembahagian ruang bermakna kawasan penukar haba lebih besar berbanding model dwipermukaan yang sedia ada, justeru membolehkan pemindahan haba yang lebih berkesan.

· Saluran pelepasan udara berlekung rekabentuk serba baru agar lebih aerodinamik

Lengkungan saluran udara VRF baru dengan bahagian atas dan dasar bersepadu menjamin aliran ekzos yang lancar. Ini membekalkan aliran udara yang lebih pada paras bunyi yang sama serta dengan input kuasa yang kurang!

· Pengurusan Pemulihan Minyak Unggul

Tidak seperti sistem VRF biasa yang banyak membazir tenaga dengan berpulih kembali minyak dari unit dalaman, FSV-EX mempunyai rekabentuk pemulihan minyak 3 peringkat yang mampu mengurangkan kekerapan pemulihan minyak dipaksa justeru membawa kepada pengurangan kos tenaga serta keselesaan berterusan.

Press Release

Kata En Hiroshi Komatsubara, Managing Director of Panasonic Appliances Air-Conditioning System Engineering Malaysia (PAPASEMY), “Saya ingin memberi Syarikat Air-Conditioner misi yang jelas, dan matlamat utama kita adalah untuk menjadi sebuah syarikat pakar penghawa dingin yang memanfaatkan masyarakat,” ketika berkongsi visi beliau yang bertujuan menghasilkan produk yang mampu memenuhi keperluan pengguna serta membekalkan penghawa dingin yang selesa, bermanfaat, dan boleh dipercayai ke seluruh dunia.

Baru-baru ini, Panasonic telah mengumumkan sasaran global berjumlah ¥700 bilion (sekitar USD 5.8 bilion) untuk jualan perniagaan penghawa dinginnya pada fiskal 2018 (berakhir Mac 2019), peningkatan sebanyak 52% dalam penjualan dari fiskal 2014. Bagi mempercepatkan kadar pengembangan perniagaan di Malaysia, sebuah syarikat pakar Penghawa Dingin Komersial baru yang bernama PAPASEMY ditubuhkan, memanfaatkan segmen VRF dengan projek dan mempunyai sasaran hasil pendapatan sebanyak RM800 juta (termasuk jualan Room Air Conditioners dan sistem VRF) pada tahun 2018. Tambahan pula, mendapatkan keuntungan bahagian pasaran yang besar dalam segmen sistem penghawa dingin komersial merupakan salah satu matlamat utama.

Tentang PAPASEMY

PAPASEMY adalah hab perniagaan ke perniagaan untuk sistem penyaman udara komersial yang menyatukan jualan dan pasukan kejuruteraan bagi pemilik bangunan, pemaju dan syarikat yang menawarkan: Kajian & Penghasilan, Pengilangan, Reka Bentuk & Perancangan Penyaman Udara, Perancangan Korporat, Jualan, Logistik, Penghantaran dan Servis Selepas Jualan.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai servis PAPASEMY, hubungi kami di **03-7956 4188**

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Senior Executive, Corporate Communications & Branding
Marketing Innovation Department
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877, 019 3837164 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com